

17/11/1999

Kedah buktikan komitmen sahut seruan PM

ALOR STAR, Selasa - Pergerakan Pemuda Umno Kedah sudah melaksanakan program awal gerak gempur kempen pilihan raya di seluruh negeri dengan memastikan pelbagai kelengkapan tiba di sebanyak 623 daerah mengundi.

Ia sekali gus membuktikan komitmen Pemuda menyahut seruan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya seluruh jentera BN di empat negeri, termasuk Kedah diberikan tumpuan yang lebih bagi memastikan kemenangan BN.

Ketuanya, Ismail Tayib, berkata setiap bahagian yang sudah lama bersiap sedia melaksanakan tanggungjawab memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya kali ini akan melipatgandakan usaha menggerakkan seluruh jentera parti.

Untuk tujuan itu, 15 juta pelbagai poster yang disediakan Badan Perhubungan Umno negeri, dipastikan tiba di daerah mengundi dalam tempoh lapan jam diterima daripada peringkat negeri.

"Setakat ini, semua barangan sudah diedarkan dari peringkat negeri ke bahagian, kemudian ke peringkat daerah mengundi dan seterusnya ke seluruh pelosok kampung.

"Bagaimanapun, Pemuda Umno tetap bersikap profesional dengan tidak memasang keseluruhan barangan sebelum hari penamaan calon kerana ia menyalahi peraturan.

"Setakat ini, kita memacak dan memasang bendera di kawasan yang dibenarkan sementara menunggu hari penamaan calon yang bakal menyaksikan Pemuda melancarkan perang poster secara besar-besaran," katanya kepada Berita Harian, di sini hari ini.

Ahad lalu, Dr Mahathir ketika memberikan taklimat kepada pasukan gerak gempur Pemuda dan Wanita BN di Kuala Lumpur mengarahkan mereka memberi tumpuan kepada kawasan masing-masing bagi menggempur pembangkang untuk memastikan kejayaan majoriti dua pertiga.

Menurut Dr Mahathir, empat negeri berkenaan akan menjadi tumpuan jentera kempen BN berikutan terlalu banyak fitnah yang dilemparkan oleh barisan alternatif kepada pengundi yang majoritinya Melayu.

Ismail yang diminta mengulas spekulasi beliau sebagai antara calon BN di Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Hitam, berkata, Pemuda negeri tidak mengemukakan permintaan kepada Badan Perhubungan Umno negeri supaya pemimpin Pemuda diberikan tempat dalam senarai calon.

(END)